

Bantu selesaikan masalah rakyat

Program Gerak

Rasa dilancar

Oleh Noorwati Salleh

BH 23 MAR 2000

TEMERLOH, Rabu – Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan melancarkan Program Gerak Rasa akhir bulan depan, dalam usaha membantu menyelesaikan pelbagai permasalahan dihadapi rakyat dengan kerajaan atau antara rakyat dengan rakyat.

Program berbentuk forum atau sesi dialog itu melibatkan seluruh anggota masyarakat terutama golongan terbabit dengan soal perpaduan dan jentera kerajaan di peringkat akar umbi.

Menterinya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata di peringkat permulaan pihaknya akan meminta persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi melancarkan program itu di ibu negara.

“Gerak Rasa itu memberi

makna sesuatu perkara yang ada dalam perasaan rakyat dan boleh diluahkan melalui forum berkenaan dalam keadaan mesra serta tidak formal supaya ia menampak keakraban antara pemimpin dan rakyat.

“Melalui program itu, rakyat boleh membawa atau mengemukakan perkara atau isu penting yang boleh dijadikan asas untuk kerajaan bertindak mencari jalan penyelesaian.

“Jadikita berharap program itu menjadi tanda bahuwa kita prihatin terhadap kcmahuan rakyat.” katanya selepas Majlis Sejambak Budi anjuran Jabatan Perpaduan Negara. Pahang di Dewan Sri Mentakab, dekat sini, malam tadi.

Menurut Siti Zaharah, selepas pelancaran itu nanti,

program gerak rasa terbabit akan diatur oleh Jabatan Perpaduan Negara di semua negeri, setiap bulan secara berterusan.

Katanya, jabatan itu yang bertindak sebagai urusetia akan mengatur perbincangan, perjumpaan, majlis mesra dan ramah di antara pemimpin serta rakyat di kawasan tertentu.

“Segala masalah atau isu serta pandangan rakyat yang dibangkitkan melalui program itu akan direkod untuk tindakan. Aduan dan pandangan akan dinilai, bagi membolehkan kerajaan mengambil kira sama ada ia boleh menjadi asas untuk melaksanakan sesuatu dasar,” katanya.

Dr Siti Zaharah berkata, kemungkinan satu hari Sabtu setiap bulan akan diberi pe-

luang kepada rakyat untuk datang terus ke Jabatan Perpaduan Negara di setiap negeri untuk membuat aduan atau mengemukakan masalah mereka sama ada dengan kerajaan atau sesama rakyat.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, ahli jawatankuasa Rukun Tetangga, Jiran Wanita, Jiran Muda, Jiran Warga Emas dan Tunas Jiran yang bertindak sebagai agen di peringkat akar umbi mesti terus mengelakkan perpecahan dan menjaga kepentingan awam.

“Saya berharap nilai perpaduan dan kejiranan serta semangat kekitaan yang dipupuk kerajaan sama ada secara langsung atau tidak langsung akan terus dihayati dan diamalkan setiap anggota badan terbabit,” katanya.